

MEMO
POLITEKNIK BANTING SELANGOR
(UNIT PEPERIKSAAN)

Rujukan kami : PBS.PEP.700-2/18 Jilid 5 (49)

Tarikh : 14 Februari 2023

PERKARA	HEBAHAN PENGESAHAN SIJIL (DIPLOMA) PELAJAR AKAN KE LUAR NEGARA	
KEPADA	UKK, Pegawai Alumni PBS dan Penasihat Akademik Melalui : KJKM,KJPP dan KJHEP	SALINAN : 1. FAIL PEPERIKSAAN
DARIPADA	PENGARAH	

Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pengesahan sijil graduan lulusan Politeknik Malaysia yang ingin melanjutkan pengajian atau bekerja di luar negara hendaklah melalui Bahagian Peperiksaan dan Penilaian (BPN), Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi.


3. Permohonan pengesahan sijil adalah merujuk kepada 'Prosedur Permohonan Pengesahan Sijil Lulusan Politeknik Malaysia Yang Menyambung Pengajian Atau Bekerja Di Luar Negara' (**Lampiran 1**).

4. Sehubungan dengan itu, tuan/puan dipohon untuk memaklumkan kepada graduan yang berkenaan. Kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam memastikan kelancaran pengurusan peperiksaan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(Ts. ZAINAH BINTI RUJIHAN)

Pengarah
Politeknik Banting Selangor